HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Takaful Berhad ("Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai **Takaful Cash Care PA**. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	**Takaful Cash Care PA** **Tarikh : 01/11/2020**

1. Apakah produk ini?

Produk ini merupakan pelan kemalangan diri yang menyediakan manfaat kepada peserta, pemandu dan/ atau penumpang, sekiranya mengalami kecederaan badan akibat kemalangan yang mengakibatkan kematian atau hilang upaya kekal, semasa memandu, dalam perjalanan atau turun dari kenderaan yang dinamakan. Produk ini juga diperluaskan untuk melindungi peserta (pemilik kenderaan) 24 jam di seluruh dunia, apabila berlaku kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan, tanpa mengira sama ada peserta tersebut berada dalam kenderaan yang dinamakan ataupun tidak. Kami juga menawarkan elaun-elaun kesulitan kepada pemilik kenderaan untuk kejadian yang tidak dijangka berlaku ke atas kenderaan. Selain daripada itu, pelan ini juga menyediakan Program Bantuan Auto Etiqa 24-jam kepada anda.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunapakai?

Wakalah

Produk ini menggunapakai konsep wakalah (perwakilan), di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am (Dana). Para peserta juga bersetuju untuk memberikan kuasa kepada kami untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh kami bagi mencapai objektif untuk melabur dan menguruskan Dana tersebut dengan syarat, bagi perwakilan ini, kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap para peserta. Sebagai ejen, kami berhak menerima fi wakalah sebagai caj perkhidmatan. Fi wakalah adalah seperti berikut:

Butir-butir	(% daripada sumbangan)
• Komisen dibayar kepada ejen • Perbelanjaan pengurusan	10% 35%
Jumlah Fi Wakalah	45%

Tabarru'

Pelan ini juga menggunapakai konsep Tabarru' (derma), di mana para peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sumbangan mereka kepada Dana bagi tujuan saling membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan berdasarkan peristiwa yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam Dana, tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami, 50% akan dikongsi antara peserta yang sijilnya belum ditamatkan dan yang belum membuat tuntutan dalam tahun kewangan, dan 50% kepada kami kerana mengendali dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah ialah kontrak upah yang menentukan pengagihan perkongsian lebihan. Jika lebihan itu kurang daripada RM10.00, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai 'Amal Jariah' bagi pihak peserta. Tabung kebajikan akan diagihkan kepada penerima yang layak sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami untuk tujuan kebajikan.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Perlindungan / manfaat adalah seperti berikut:

SEKSYEN MANFAAT	Jumlah Manfaat dalam Ringgit Malaysia (RM)				
	Pelan Gangsa	Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum	Pelan Berlian
Seksyen A – Manfaat Kemalangan Diri (Setiap Orang)					
1. Kematian akibat kemalangan	10,000	25,000	50,000	100,000	150,000
2. Hilang upaya kekal akibat kemalangan (sehingga)	10,000	25,000	50,000	100,000	150,000
3. Indemniti berganda (sehingga)	20,000	50,000	100,000	200,000	300,000
4. Tunai ihsan	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
5. Perbelanjaan perubatan (sehingga)	500	500	1,000	2,000	3,000
6. Pembedahan rekonstruktif muka dan/atau rawatan pergigian (sehingga)	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
7. Pendapatan hospital (setiap hari)	50	50	100	150	200
Seksyen B – Manfaat Elaun Kesulitan					
8. Elaun kesulitan untuk kehilangan atau kerosakan kenderaan	500	500	500	500	500
9. Elaun kesulitan untuk banjir	500	500	500	500	500
10. Elaun kesulitan untuk pecah dan samun	500	500	500	500	500
11. Elaun kesulitan untuk kerugian sepenuhnya (total loss) atau kecurian	500	500	500	500	500
Seksyen C – Manfaat Program Bantuan Auto Etiqa (Malaysia, Singapura, Thailand dan Brunei)					
12. Bantuan kerosakan 24-jam (pembaikan di tepi jalan) 13. Bantuan tunda 24 jam 14. Pengaturan untuk bantuan teksi 15. Pengaturan untuk kereta sewa dan penginapan hotel			16. Pengaturan pemindahan perubatan kecemasan 17. Bantuan kawan dan keluarga 18. Penghantaran mesej kecemasan		

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun.

Nota: Sila rujuk kepada sijil untuk maklumat lanjut berkenaan dengan manfaat di atas.

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang anda perlu bayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang anda pilih seperti di bawah:

Sumbangan Tahunan (RM)				
Pelan Gangsa	**Pelan Perak**	**Pelan Emas**	**Pelan Platinum**	**Pelan Berlian**
121.00	158.00	201.00	279.00	358.00

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% daripada sumbangan
Duti Setem	RM10.00

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ambil perhatian?

Kepentingan Pendedahan

a. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
b. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.
c. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
d. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
e. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

Kelayakan – Pemilik kenderaan persendirian yang berumur 18 tahun sehingga umur 70 tahun.

Tunai Sebelum Perlindungan (CBC) – Sumbangan hendaklah dibayar kepada kami sebelum tarikh sijil berkuatkuasa.

Tuntutan – Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebeihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas sijil. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri. Anda hendaklah menghubungi penyedia perkhidmatan kami untuk mendapatkan apa-apa manfaat di bawah Program Bantuan Auto Etiqa.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

7. Apakah pengecualian-pengecualian di bawah sijil ini?

a. Pemandu tidak mempunyai lesen memandu yang sah atau di bawah pengaruh alkohol dan dadah;
b. Kenderaan digunakan untuk tujuan aktiviti yang menyalahi undang-undang atau sebagai kenderaan pembawa yang tidak berlesen;
c. Penyertaan atau cubaan untuk menyertai aktiviti yang menyalahi undang-undang, bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan;
d. Peperangan, serangan, pemberontakan, dan tindakan keganasan;
e. Kecacatan atau keuzuran fizikal dan mental yang sedia ada;
f. Terlibat di dalam sukan, pekerjaan atau aktiviti-aktiviti berbahaya;
g. Terlibat di dalam organisasi ketenteraan, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, skuad memadam api, atau perkhidmatan kawal keselamatan.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh pengecualian di bawah sijil ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian sumbangan dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh takaful.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat perhubungan?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkaitan takaful kemalangan diri, sila rujuk buku panduan maklumat infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Etiqa General Takaful Berhad (201701025031)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)
Aras 13, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etiqa Oneline: 1300 13 8888
E-mel: info@etiqa.com.my
Laman Web: www.etiqa.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan takaful kemalangan diri yang boleh didapati

Sila rujuk kepada ejen atau cawangan kami untuk jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MERUJUK SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG SIJIL KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA SERTAI. ANDA MESTI MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang terkandung dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01/11/2020.